



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN
CORONA VIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA

YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI
DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat **empat (4)** individu yang dijangkiti COVID-19 telah dibenarkan pulang pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes COVID-19 yang **telah sembuh dan dibenarkan pulang** adalah sebanyak **TUJUH (7)** daripada 19 individu yang telah dijangkiti COVID-19.

Keempat-empat individu ini merupakan kontak rapat kepada kes pertama yang dilaporkan di Singapura, dan telah dimaklumkan melalui *International Health Regulation (IHR) Focal Point* Malaysia. Mereka ini telah dikesan dan dimasukkan ke wad isolasi Hospital Sungai Buloh pada 24 Januari 2020 dan telah dilaporkan positif COVID-19.

Mereka disahkan sembuh sepenuhnya dan telah dibenarkan pulang setelah ujian pengesanan ulangan COVID-19 yang dijalankan menunjukkan hasil ujian sebanyak dua (2) kali berturut-turut didapati negatif.

Kerajaan Malaysia ingin mengucapkan tahniah kepada semua anggota kesihatan dan perubatan yang telah berusaha menguruskan kesemua kes ini sehingga mereka sembuh dan dibenarkan pulang.

PENINGKATAN MENDADAK JUMLAH KES POSITIF COVID-19 DI CHINA

Pihak berkuasa China menerangkan bahawa peningkatan mendadak jumlah kes positif COVID-19 adalah disebabkan perubahan definisi kes positif COVID-19 bagi Wilayah Hubei.

Terkini, mana-mana pesakit di Wilayah Hubei yang menunjukkan kesemua gejala klinikal COVID-19 tetapi belum disahkan positif melalui ujian makmal adalah dikategorikan sebagai kes yang positif (*Clinically diagnosed cases*).

Walau bagaimanapun menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), jumlah pesakit yang disahkan positif COVID-19 di luar negara China tidak menunjukkan peningkatan kes yang mendadak.

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

Adalah dimaklumkan juga bahawa **TIADA** pertambahan kes baru dilaporkan pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan sehingga hari ini **KEKAL** sebanyak **19 kes** iaitu:

- **Sembilan (9)** kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI)
- **Lapan (8)** kes dalam kalangan kontak rapat
- **Dua (2)** kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan.

Daripada jumlah tersebut, tiga belas (13) orang adalah warganegara China dan enam (6) orang adalah warganegara Malaysia.

AKTIVITI PENGESANAN KONTAK RAPAT

Sehingga kini, aktiviti pengesanan kontak rapat masih diteruskan lagi bagi mengenalpasti kontak rapat kepada kes. Sebanyak 239 kontak rapat telah dikenalpasti dan jumlah ini akan bertambah sehingga pengesanan kontak rapat ini selesai.

Daripada jumlah ini sebanyak 181 kontak rapat ini terdiri daripada warganegara Malaysia, 46 warganegara China dan 12 lagi lain-lain warganegara. Kesemua kontak rapat yang telah dikesan ini, telah diambil sampel dan diletakkan di perintah pengawasan dan pemerhatian.

Sekian, terima kasih

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

14 Februari 2020

LAMPIRAN 1

**Jadual 1: Ringkasan Kes PUI COVID-19
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 14 Februari 2020**

Warganegara	Jumlah	Positif	Negatif	<i>Pending</i>
MALAYSIA	333	2	307	24
CHINA	135	7	124	4
LAIN-LAIN	11	0	10	1
Grand Total	479	9	441	29

**Jadual 2: Ringkasan Kontak Rapat Kes COVID-19
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 14 Februari 2020**

WARGANEGARA	JUMLAH KONTAK	POSITIF	NEGATIF	<i>PENDING</i>	DALAM PROSES PENGESANAN
MALAYSIA	181	2	153	1	25
CHINA	46	6	40	0	0
LAIN-LAIN	12	0	0	0	12
JUMLAH	239	8	193	1	37

Nota: Kenyataan Akhbar YB Menteri Kesihatan yang bertarikh 5 Februari 2020 telah memaklumkan sejumlah 107 (88 warganegara Malaysia dan 19 ahli keluarga bukan warganegara) individu yang dibawa pulang, dan daripada jumlah tersebut 2 individu telah dikesan positif COVID-19.